

# Terserah 6 ahli Parlimen kosongkan kerusi - PM

Oleh ASLINDA NASIR dan SITI NUR MAS ERAH AMRAN  
utusannews@mediamulia.com.my

**BUKIT MERTAJAM:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, terserah kepada enam ahli Parlimen dan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang menyatakan sokongan terhadapnya sama ada mahu mengosongkan kerusi mereka atau sebaliknya.

Perdana Menteri berkata, persoalan itu sepatutnya dijawab Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mencabarnya mengosongkan tujuh kerusi tersebut bagi membuktikan sokongan kepada Kerajaan Perpaduan.

Beliau turut menyifatkan Muhyiddin sebagai 'kepala lompat parti' dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang dipimpin bekas Perdana Menteri itu sudah hilang sokongan.

"Kepala parti lompat (Muhyiddin) mahu cadang orang? Terpulung kepada ahli Parlimenlah. Kenapa tanya saya?"

"Dia yang pakar pergi lompat dan *scheme of things*. Itu dia patut jawab. Orang sudah hilang keyakinan kepada Bersatu," katanya selepas Program Lawatan dan Ramah mesra ke Ibu pejabat Polis (IPD) Daerah



**ANWAR** Ibrahim bersalaman dengan anggota polis semasa hadir ke Ibu pejabat Polis (IPD) Daerah Seberang Perai Tengah di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, semalam. - MINGGUAN/IQBAL HAMDAN

Seberang Perai Tengah (SPT) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas cabaran Muhyiddin terhadapnya untuk mengosongkan enam kerusi Parlimen dan satu kerusi DUN supaya pilihan raya boleh diadakan dengan segera.

Terdahulu di KUALA LUMPUR, Muhyiddin ketika berucap pada majlis Konvensyen Wakil-Wakil Rakyat Perikatan

Nasional 2024 berkata, cabaran itu dibuat ekoran sokongan yang diberikan oleh tujuh wakil rakyat parti tersebut kepada Anwar sekali gus bertentangan dengan prinsip parti.

Katanya, kekuatan setiap parti akan diuji menerusi pilihan raya yang dibuat dan beliau yakin sokongan rakyat masih berpihak kepada mereka meskipun berada di blok pembangkang.

"Saya hendak beritahu Per-

dana Menteri, buatlah apa pun. Tindakan itu tidak akan mengubah tanggapan negatif rakyat kepada kerajaan yang gagal mentadbir negara dengan baik.

"Rakyat tahu sandiwara kamu. Rakyat tahu tujuan kamu. Jika berani, isytiharkan enam kerusi parlimen dan satu kerusi DUN Selangor kosong. Kita kembalikan mandat kepada rakyat dan biarlah rakyat yang membuat perhitungan," ujarnya.